



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM KELAS BIMBINGAN PRASEKOLAH TAHUN 2022

PUTRAJAYA – Selaras dengan usaha Kerajaan bagi memastikan semua kanak-kanak menerima pendidikan prasekolah, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah memperuntukkan geran sebanyak RM13,068,862.00 bagi membiayai subsidi pendidikan prasekolah kanak-kanak India B40 yang berumur antara 4 hingga 6 tahun untuk tahun 2022.

2. Geran tersebut telah memberi manfaat kepada 5,164 kanak-kanak dan ibu bapa masyarakat India B40, di mana bantuan kewangan ini telah disalurkan melalui lima (5) organisasi melibatkan 214 prasekolah di negeri-negeri berikut iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kesemua 214 prasekolah tersebut bernaung di bawah lima (5) organisasi.

3. Bantuan kewangan ini meliputi yuran pendidikan bagi sesi persekolahan mulai Mac 2022 sehingga Februari 2023 termasuk subsidi *one-off* iaitu pemberian buku dan lembaran kerja, kit permulaan (pakaian seragam dan alat tulis) serta sarapan pagi untuk kanak-kanak B40 berkenaan. Pecahan pembiayaan adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk memastikan kanak-kanak India B40 turut mendapat peluang pendidikan prasekolah setaraf dengan kanak-kanak lain dan sebagai persediaan untuk memasuki pendidikan formal darjah satu kelak. Dalam masa yang sama, inisiatif ini

telah dapat meringankan beban kewangan ibu bapa khususnya dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup.

5. Sejak bermulanya program ini, MITRA telah mengadakan pemantauan pelaksanaan program di semua negeri berkaitan serta perjumpaan dengan para ibu bapa bagi memastikan bantuan kewangan daripada Kerajaan ini digunakan sewajarnya.

6. MITRA telah memberi penjelasan kepada semua pengurus prasekolah serta ibubapa kanak-kanak bahawa bayaran subsidi prasekolah tersebut akan dibayar terus kepada pengurusan prasekolah dan **bukan kepada ibubapa**. Tindakan ini adalah untuk memastikan kanak-kanak tersebut akan menerima pendidikan awal prasekolah seperti mana yang telah dizahirkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memastikan semua kanak-kanak menerima pendidikan prasekolah.

7. MITRA ingin melahirkan rasa kesal terhadap pihak-pihak tertentu yang cuba mengelirukan masyarakat India terutamanya ibubapa kanak-kanak B40 yang sedang belajar di pusat-pusat prasekolah tersebut. Cubaan menimbulkan kebencian masyarakat India terhadap agensi Kerajaan amat dikesali.

8. MITRA, Jabatan Perdana Menteri akan terus komited dalam usaha pembangunan modal insan masyarakat India B40.

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

15 Mac 2023

LAMPIRAN 1

**PROGRAM KELAS BIMBINGAN PRASEKOLAH TAHUN 2022
(PEMBIAYAAN UNTUK SEORANG KANAK-KANAK)**

NO.	PERKARA	KOS SEUNIT (RM)	KEKERAPAN	JUMLAH (RM)
i.	Yuran Bulanan	150.00	12 bulan	1,800.00
ii.	Kit Permulaan: i. Pakaian Seragam Prasekolah (2 set) ii. Set Alat Tulis <ul style="list-style-type: none"> • Pensil warna berjenama (12 warna-panjang) • Set alat tulis berjenama 3 batang pensil kayu (2B), pemadam, penajam pensil, pembaris dan gam kertas • Bekas pensel (<i>Material : Nylon</i>) 	130.00	<i>One-Off</i>	130.00
iii.	Buku Lembaran Kerja	100.00	<i>One-Off</i>	100.00
iv.	Makanan	2.00	198 hari (berdasarkan takwim sekolah)	396.00
			JUMLAH	2,426.00

PROGRAM KELAS BIMBINGAN PRASEKOLAH TAHUN 2022

MAKLUMAT TAMBAHAN

BIL	NAMA NGO	JUMLAH PRASEKOLAH	JUMLAH MURID	KOS PENGURUSAN	JUMLAH KOS
i.	PERSATUAN GURU TADIKA ZON UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA	80	1965	4% (RM190,683.60)	RM4,957,773.60
ii.	PERTUBUHAN PUSAT PEMBANGUNAN KANAK-KANAK CEMERLANG	43	1167	4% (RM113,245.68)	RM2,944,387.68
iii.	CHILD INFORMATION, LEARNING AND DEVELOPMENT CENTRE (CHILD)	65	1276	4% (RM123,823.04)	RM3,219,399.04
iv.	PERTUBUHAN TADIKA-TADIKA SWASTA (DLS)	14	460	5% (RM55,798.00)	RM1,171,758.00
v.	PERTUBUHAN PRASEKOLAH MALAYSIA	12	296	8% (RM57,447.68)	RM775,543.68
JUMLAH KESELURUHAN		214	5164	RM540,998.00	RM13,068,862.00

Nota : Kos pengurusan Kadar Geran Kewangan Tahun 2021 (MITRA, Kementerian Perpaduan Negara)

Program melebihi RM2 juta = 4%

Program RM1 juta - 2 juta = 5%

Program RM1 juta dan kebawah = 8%